



SIDANG AKADEMIK 2020/2021

SEMESTER 1

PPK 332 PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

TUGASAN ESEI

DISEDIAKAN OLEH:



NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID

141084

anissyahirah0620@gmail.com

DISEDIAKAN UNTUK:

DR. LOW HUI MIN

Sani ialah seorang budak bermasalah pendengaran berumur 2 tahun. Pilih TIGA (3) domain perkembangan kanak-kanak. Untuk setiap domain perkembangan, terangkan SATU (1) aktiviti intervensi yang sesuai untuk Sani.

Masalah pendengaran ialah keadaan kesihatan yang menyebabkan seseorang kehilangan keupayaan mendengar dengan baik. Terdapat 3 hingga 4 dalam setiap 1000 bayi dilahirkan dengan masalah pendengaran. Ujian saringan pendengaran pada bayi yang baru lahir dilakukan supaya dapat membantu untuk mengesan masalah pendengaran pada peringkat awal. Pengesanan awal masalah pendengaran adalah sangat penting kerana kanak-kanak yang dikenalpasti mempunyai masalah pendengaran dan mendapat intervensi seawal umur 6 bulan berpotensi untuk bertutur dan mempunyai perkembangan bahasa pada tahap yang sama dengan orang kanak-kanak yang mempunyai pendengaran normal. Terdapat banyak punca masalah pendengaran berlaku seperti jangkitan telinga, gegendang telinga pecah, faktor genetik dan sebagainya. Masalah pendengaran yang terjadi akan mengganggu perkembangan domain kanak-kanak tersebut, seperti domain kognitif, fizikal, komunikasi dan sebagainya.

Sani merupakan budak bermasalah pendengaran yang berumur 2 tahun. Antara perkembangan domainnya yang akan terjejas ialah perkembangan kognitif. Perkembangan kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memahami, mengingat perkara yang berlaku dan melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, merancang, menaakul, berimajinasi dan sebagainya. Menurut Piaget, proses pemikiran kita berubah secara menyeluruh bermula selepas lahir sehingga kita mencapai kematangan. Setiap individu akan sentiasa mencuba untuk memahami dan mengadaptasi perubahan-perubahan yang berlaku di persekitaran. Sani merupakan kanak-kanak berumur 2 tahun dan menurut Piaget, Sani berada di peringkat pra operasi dimana kanak-kanak menggunakan bahasa serta simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep. Aktiviti intervensi yang boleh dilakukan untuk perkembangan kognitif untuk Sani ialah aktiviti pergerakan 'Lazy 8'. Lazy 8 ini merupakan aktiviti daripada brain gym yang mampu membantu merangsang perkembangan otak kiri dan kanan. Apabila kedua-dua otak dirangsang ia mebolehkan Sani untuk mempelajari perkara baru seperti huruf dan nombor. Antara sebab aktiviti Lazy 8 ini dipilih ialah ia dapat membantu Sani untuk memberikan fokus sebaiknya dan membantu untuk Sani berfikir dengan jelas. Selain itu, aktiviti ini juga dapat meningkatkan daya ingatan dan mampu mengimbangi emosi. Cara aktiviti ini dilakukan ialah lukiskan huruf 8 secara melintang di atas kertas A4 atau papan putih secara lanskap. Kemudian, letakkan bahagian tengah huruf 8 selari dengan kedudukan badan Sani. Gerakkan pensil dari

tengah huruf lapan dan bergerak ke kiri. Seterusnya, gerakkan terus pensil tersebut ke kanan atas dan ke bawah tanpa mengangkat pensil dan teruskan sehingga pergerakan lancar. Pastikan kertas tersebut tidak bergerak kerana apabila bergerak ia akan mengganggu fokus Sani.

Selain itu, perkembangan domain yang lain ialah perkembangan fizikal. Perkembangan fizikal merupakan perkembangan kemahiran motor halus dan kemahiran motor kasar. Setiap kanak-kanak akan bermula perkembangan fizikal dengan kemahiran motor halus dan seterusnya diikuti motor kasar. Kemahiran motor halus dapat dikaitkan dengan penggunaan otot kecil seperti tangan untuk menulis, mewarna, menangkap bola dan sebagainya manakala kemahiran motor kasar pula dikaitkan dengan penggunaan otot besar seperti berlari, melompat, menyepak bola dan sebagainya. Bagi tahap umur Sani iaitu berumur 2 tahun, Sani sudah boleh melakukan kedua-dua kemahiran tersebut seperti boleh menaiki dan menurun tangga tanpa bantuan orang lain, berlari, menyepak bola dan sebagainya. Jika Sani tidak boleh melakukan kemahiran tersebut ia mungkin mengalami masalah perkembangan fizikal yang tidak normal. Aktiviti motor halus yang boleh dilakukan untuk Sani bagi membantu perkembangan kemahiran motor halus berada tahap yang baik ialah aktiviti pergerakan tangan dan mata. Antara sebab aktiviti ini dilakukan ialah untuk meningkatkan kemahiran motor halus kepada Sani kerana berkemungkinan Sani tidak mampu bercakap dan akan menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Jadi penggunaan pergerakan tangan adalah penting untuk Sani belajar. Penggunaan motor halus sangat penting dalam kehidupan seharian kerana tanpa pergerakan tangan Sani tidak mampu untuk memegang sesuatu benda. Kemahiran motor halus ini juga dapat meningkatkan koordinasi tangan dan mata Sani. Cara aktiviti ini dijalankan ialah ibu bapa menunjukkan cara membuat bentuk seperti bulat, petak, bujur dan sebagainya menggunakan plastisin. Seterusnya, beri plastisin kepada Sani dan menyuruh Sani untuk melakukan bentuk yang sama. Dengan melakukan aktiviti ini kemahiran motor halus Sani dapat dibina dan ditingkatkan dengan berkesan. Semasa melakukan aktiviti ini ibu bapa perlulah peka terhadap Sani supaya Sani tidak memakan plastisin yang diberikan.

Seterusnya, perkembangan domain yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak ialah perkembangan komunikasi. Perkembangan komunikasi ialah kemahiran asas yang diperlukan oleh setiap individu dan ia meliputi kebolehan berkomunikasi tentang emosi, masalah yang melanda dan sebagainya sama ada secara lisan atau bukan lisan. Perkembangan ini melibatkan perkembangan kemahiran pendengaran, penglihatan, pertuturan dan bahasa sebagai keupayaan pelbagai modaliti. Dengan komunikasi kanak-kanak dapat menyatakan pendirian mereka dengan lebih jelas dan berkeyakinan kepada orang-orang di sekeliling

mereka. Kanak-kanak juga digalakkan untuk mempelajari kosa kata yang banyak untuk mengatasi masalah halangan berbahasa dan komunikasi dengan orang lain. Aktiviti yang mampu membuat perkembangan komunikasi Sani berada tahap yang baik ialah melakukan terapi pertuturan seperti meniup belon. Antara sebab melakukan aktiviti pertuturan ialah membantu merangsang pertuturan dan komunikasi Sani. Apabila terapi pertuturan dilakukan, secara langsung alat-alat pertuturan seperti lidah, mulut, gusi dan gigi akan bergerak dan bertindak balas antara satu sama lain dan membantu bertutur dengan baik dan berkesan. Sebab lain ialah membantu Sani untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain. Apabila Sani sudah mula pandai bertutur, dia akan bercakap dengan orang lain tanpa rasa malu. Sebab seterusnya ialah meningkatkan kemahiran sosial dalam diri Sani untuk lebih yakin bercakap di hadapan kelas nanti ataupun bercakap dengan jiran di sekeliling rumahnya. Cara aktiviti meniup belon dilakukan ialah ibu bapa perlu menyediakan belon dan menunjukkan cara untuk melakukannya. Kemudian, menyuruh Sani melakukan perkara yang sama sehingga belon tersebut mampu menjadi besar. Jika Sani tidak berjaya meniup belon pada percubaan pertama, ibu bapa perlulah mendorong Sani meniup sehingga boleh.

Kesimpulannya, perkembangan domain kanak-kanak ini sangat penting untuk melihat perkembangan kanak-kanak berada pada tahap yang baik. Setiap domain memainkan peranan dan berkait antara satu sama lain. Jika satu domain tidak dapat dikembangkan maka perkembangan kanak-kanak akan menjadi tidak seimbang.